

20 JUL 2000

Al-Ma'unah-Carlsberg

CARLSBERG SAHKAN CUBAAN LETUPKAN KILANG

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (Carlsberg) hari ini mengesahkan percubaan merosakkan kilang memproses minuman keras syarikat itu di Shah Alam, awal bulan ini.

Pengarah Urusan Carlsberg Datuk Jorgen Bornhoft berkata, dua letupan dipercayai berpunca dari bahan peledak berlaku di kawasan kilang, bagaimanapun ia tidak menyebabkan kerosakan kepada bangunan ataupun mencederakan pekerja kilang.

"Ada dua letupan yang dilakukan oleh sekumpulan orang yang tidak dikenali, iaitu awal pagi pada 3 Julai yang ditujukan pada hadapan dan belakang kilang kami," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Kedua-dua tembakan tidak mengenai sasaran. Polis telah dihubungi dan satu laporan dibuat, katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara Khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan serentak menerusi semua saluran televisyen tempatan malam tadi.

Dalam wawancara itu, Perdana Menteri berkata maklumat laporan awal menunjukkan kumpulan tersebut menembak sebuah kuil dan kilang membuat arak, Carlsberg.

Bagaimanapun, jelasnya tidak ada apa-apa yang berlaku kerana anggota kumpulan itu tidak tahu menggunakan senjata tersebut.

Perdana Menteri berkata kumpulan itu telah melepaskan beberapa das tembakan menggunakan senjata api automatik, M-203, bertujuan untuk menghuru-harakan negara.

Senjata yang digunakan untuk menyerang kilang arak dan kuil itu adalah antara pelbagai jenis senjata api yang dirompak dari dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai.

Mereka yang melakukan serangan itu telah ditangkap dan semua senjata yang dirompak dijumpai semula.

-- BERNAMA

MEO AHH RI